

**SPEKIFIKASI AM BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOMPLEKS SUKAN SAUJANA  
ASAHAN, MELAKA UNTUK MAJLIS SUKAN NEGARA**

BIL	NAMA DAN SPEKIFIKASI	NYATAKAN (YA / TIDAK)	SPEKIFIKASI PENYEBUTHARGA (NYATAKAN)
1.	<b>SYARAT PERKHIDMATAN</b>		
1.1	Syarikat mempunyai lesen yang berdaftar dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan sijil masih berkuatkuasa (sila sertakan salinan sijil/lesen berkaitan)		
1.2	Jika syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan dengan kod bidang Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, sila sertakan salinan sijil berkaitan		
1.3	Syarikat mempunyai lesen menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata yang sah di sisi undang-undang Malaysia		
1.4	Syarikat berkeupayaan memberikan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan tanpa senjata di Kompleks Sukan Saujana Asahan, Melaka.		

<b>2.</b>	<b>BILANGAN PENGAWAL</b>		
2.1	Bilangan Pengawal yang diperlukan adalah sebanyak empat (4) orang iaitu dua (2) orang siang, dua (2) orang malam		
<b>3.</b>	<b>MASA BERTUGAS</b>		
3.1	Masa bertugas bermula dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 malam, 7.00 malam hingga 7.00 pagi waktu bekerja, cuti hujung minggu dan cuti umum		
<b>4.</b>	<b>TEMPOH KONTRAK PERKHIDMATAN</b>		
4.1	Tempoh kontrak untuk perkhidmatan Kawalan Keselamatan adalah selama dua (2) tahun		
<b>5.</b>	<b>KELENGKAPAN PERALATAN</b>		
5.1	Pakaian seragam yang lengkap dengan tanda nama		
5.2	Telefon bimbit, Walkie-Talkie, cota, wisel, lampu suluh, baju hujan yang mempunyai logo syarikat dan yang berkaitan		
5.3	Mengadakan sistem punch clock dalam menjalankan tugas pengawalan		
5.4	Buku rekod rondaan		
5.5	Buku daftar pelawat		

5.6	Pas Pelawat		
<b>6.</b>	<b>SYARAT KEANGGOTAAN PENGAWAL</b>		
6.1	Berumur tidak kurang daripada 20 tahun dan tidak melebihi 55 tahun		
6.2	Pengawal yang bertugas hendaklah professional, berdedikasi, bertanggungjawab, berpakaian seragam yang lengkap dan kemas		
6.3	Mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia		
6.4	Anggota yang bertugas perlulah terlatih dalam bidang kawalan keselamatan		
6.5	Boleh bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris atau kedua-dua bahasa		
6.6	Mempunyai sihat tubuh badan serta penglihatan yang baik dan mempunyai rekod perubahan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan		
6.7	Tiada kecacatan yang boleh menjejaskan perkhidmatan		
6.8	Tidak mempunyai catatan rekod jenayah dan bukan penagih dadah dan disahkan telah lulus tapisan keselamatan polis		
6.9	Pihak Majlis berhak mengarahkan anggota Pengawal syarikat menjalankan pemeriksaan ujian air kencing pada bila-bila masa		
<b>7.0</b>	<b>PERATURAN KERJA</b>		
7.1	Pengawal hadir mengikut waktu yang ditetapkan dan Pengawal pengganti perlu disediakan sekiranya		

	pengawal yang bertugas bercuti.		
7.2	Semua pengawal yang bertugas dikehendaki berpakaian seragam rapi, kemas, lengkap dan bersih		
7.3	Rambut pengawal perlu sentiasa pendek, kemas dan rapi		
7.4	Pengawal berada di dalam keadaan bersedia, tidak dibenarkan tidur, membaca surat khabar, majalah dan berbual sewaktu bertugas		
7.5	Menjaga disiplin, tingkahlaku dan mengawal emosi semasa bertugas ketika menghadapi situasi di luar jangkaan		
7.6	Pengawal tidak dibenarkan merokok sewaktu bertugas		
7.7	Pengawal dikehendaki melaksanakan pemeriksaan terhadap pekerja-pekerja, orang awam dan kenderaan yang memasuki kawasan premis untuk mengelakkan kecurian / pencerobohan		
7.8	Pengawal dikehendaki menyediakan laporan keselamatan dalam buku laporan harian yang disediakan oleh pihak syarikat pada setiap hari dan perlu menyerahkan kepada pentadbir premis, wakil yang dilantik untuk pengesahan kerja dan tindakan		

## LAMPIRAN

### PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN KOMPLEKS SUKAN SAUJANA ASAHAN, MELAKA

1. Tempoh Perjanjian : (2 Tahun )
  
2. Kadar harga sejam :
  
3. Masa perkhidmatan : 24 Jam
  
4. Bilangan pengawal : 2 pengawal (siang)  
2 pengawal (malam)
  - a) Setiap hari bekerja 12 jam (7.00 pagi - 7.00 ptg)
  - b) Setiap hari bekerja 12 jam (7.00 ptg - 7.00 pg)
  - c) Setiap hari cuti hujung minggu dan cuti umum (24 jam)
  - d)
  
5. Kadar bayaran :  
  
Termasuk cukai :  
  
Jumlah Sebulan :
  
6. Kadar harga 2 tahun :